

DATE: 19 / 12 / 2007

Wadah erat hubungan kaum

Oleh HELMI MOHD FOAD

PUTRAJAYA 18 Dis. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, perayaan atau hari kebesaran agama di negara ini harus menjadi wadah bagi mempereratkan hubungan antara kaum.

Perdana Menteri berkata, sambutan tersebut merupakan perayaan yang disambut dan dihormati oleh semua lapisan rakyat berbilang kaum dan agama.

Menurutnya, perkara itu dapat dilakukan kerana masyarakat negara ini mengamalkan cara hidup yang mengutamakan perasaan muhibah dan persefahaman meskipun masing-masing biasanya begitu sensitif mengenai hal-hal agama.

"Kita sentiasa menunjukkan sikap bantu-membantu dan tolong-menolong bila tiba waktu perayaan agama yang sebenarnya

Kita sentiasa menunjukkan sikap bantu-membantu dan tolong-menolong bila tiba waktu perayaan agama yang sebenarnya dirayakan oleh semua rakyat negara ini

dirayakan oleh semua rakyat negara ini.

"Hari perayaan bermakna pada hari itu kita hormati mereka dan membuat lawatan rumah ke rumah untuk mengeratkan perhubungan sebagai rakyat Malaysia dan ia bukannya melibatkan perkara seperti sembahyang dan sebagainya," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada majlis penyerahan sumbangan lembu korban oleh DiGi Telecommunications Sdn. Bhd. (DiGi) kepada Pejabat Perdana Menteri di sini, hari ini.

Sumbangan kali kedua kepada Pejabat Per-

dana Menteri itu melibatkan sebanyak 100 ekor lembu untuk diagih-agihkan kepada golongan fakir miskin sempena Hari Raya Aidiladha yang akan disambut oleh umat Islam di negara ini pada 20 Disember ini.

Hadir sama ialah Ketua Pegawai Eksekutif DiGi, Morten Lundal dan Pengarah Strategi dan Hal Ehwal Korporat DiGi, Tunku Alizakri Alias.

Perdana Menteri berkata, sumbangan lembu korban oleh DiGi menunjukkan betapa tingginya rasa hormat syarikat pembekal komunikasi mudah alih itu kepada

agama Islam.

"Saya amat menghargai apa yang dilakukan oleh DiGi dan saya anggap ia adalah satu sumbangan yang amat baik dan besar maknanya bagi kita semua.

"Saya percaya mereka yang akan menerima lembu korban ini tentu amat menghargainya kerana ia dapat membantu memeriahkan sambutan Hari Raya Aidiladha," kata beliau.

Sementara itu, Lundal berkata, DiGi sentiasa mengeratkan diri dengan masyarakat melalui pelbagai aktiviti yang membina termasuk usaha kebajikan dalam membantu fakir miskin untuk meringankan beban mereka serta membawa keceriaan pada Hari Raya Korban nanti.

"Sebagai orang luar, saya perlu meletakkan diri dalam kedudukan yang betul dalam memerhatikan tentang keunikan masyarakat yang berbilang kaum dan agama," katanya.

Um- 19/12/2007
**ABDULLAH
AHMAD
BADAWI**
Perdana Menteri